

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2019**

**SOALAN**

**TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Zakir Naik masih dilindungi oleh Kerajaan walaupun beliau dikehendaki oleh pihak berkuasa di India atas tuduhan pengubahan wang haram.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini telah menerima permintaan ekstradisi Dr. Zakir Naik daripada Kerajaan India pada 19 Januari 2018 atas tuduhan pengubahan wang haram dan mempromosikan keganasan.

Kerajaan telah membuat pertimbangan berdasarkan peruntukan di dalam Triti Ekstradisi di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan India serta Akta Ekstradisi 1992 dengan mengambil kira penelitian terhadap bukti-bukti yang dikemukakan termasuk semua faktor dan fakta kes.

Kerajaan Malaysia memutuskan untuk tidak mengekstradisi Dr. Zakir Naik ke negara India kerana Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) memperuntukkan *Restrictions on return of fugitive criminals* termasuk kesalahan yang pemulangannya bersifat politik, tujuan membicarakan, menghukum berdasarkan kesalahan bersifat politik atau dia mungkin terjejas dalam perbicaraannya atau dihukum oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya bagi maksud mendakwa atau menghukum.

Selain itu, terdapat peruntukan Akta Ekstradisi 1992 untuk tidak meneruskan proses ekstradisi dengan mengambil kira segala hal keadaan demi kepentingan keadilan jika orang yang dikehendaki tersebut tidak akan mendapat keadilan jika dihantar pulang atau terdapat suatu penindasan atau ancaman nyawa terhadapnya.

Semakan terhadap Dr. Zakir Naik juga mendapati beliau tidak tersenarai dalam *red notice Interpol* dan entiti penganas di dalam senarai United Nation Security Council Resolutions (UNSCR) sebagai orang yang dikehendaki mahu pun penganas yang disyaki.